

46

NO. SOALAN : 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]

SOALAN

DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA
TINGGI] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan kereta elektrik
menggantikan penggunaan teksi berpetrol/gas/diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan *Malaysia Biennial Update Report (BUR)* yang dikemukakan kepada *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)*, Sektor Pengangkutan telah dikenal pasti sebagai penyumbang kedua terbesar kepada pelepasan gas karbon dioksida (CO₂) di negara ini pada tahun 2011 iaitu sebanyak 44,007 Gigagrams karbon dioksida (Gg CO₂) atau 21% daripada jumlah keseluruhan pelepasan CO₂ sebanyak 208,258 Gg CO₂. Jumlah ini dijangka terus meningkat disebabkan beberapa faktor seperti pertambahan bilangan penduduk, peningkatan taraf hidup serta kestabilan harga bahan api.

Bagi mengurangkan jumlah pelepasan CO₂ daripada sektor pengangkutan, Kerajaan sentiasa bersedia untuk meneroka idea-idea baru termasuklah potensi penggunaan kenderaan elektrik bagi menggantikan kenderaan konvensional yang menggunakan *internal combustion engine (ICE)*. Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan – GTMP*) yang telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) baru-baru ini turut memberi tumpuan kepada sektor pengangkutan dengan menetapkan inisiatif dan sasaran

48

yang perlu dicapai dalam memacu pertumbuhan hijau serta menggalakkan pembangunan industri teknologi hijau di negara ini. Bagi kenderaan persendirian, GTMP mensasarkan peningkatan dalam penggunaan kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicles – EEV*) iaitu sebanyak 85% menjelang tahun 2020 dan meningkat kepada 100% pada tahun 2030 berbanding hanya 32.6% pada tahun 2015.

Selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan di bawah GTMP, Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan Projek Perintis Kereta Elektrik Kerajaan di 5 buah Kementerian iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri. Projek ini melibatkan 10 buah kereta elektrik (2 unit bagi setiap Kementerian) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berkenaan teknologi dan cara pengendalian kereta elektrik serta mendapatkan data berkenaan kos operasi yang dapat dijimatkan oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan.

Menyedari akan potensi kenderaan elektrik untuk digunakan bagi perkhidmatan taksi di negara ini, Kerajaan sedang dalam peringkat awal pelaksanaan Program Rintis Teksi Elektrik Di Pulau Langkawi Dan Program Kesedaran Penggunaan Kenderaan Elektrik. Inisiatif ini

melibatkan pembelian sebanyak 40 buah kereta elektrik untuk dijadikan sebagai teksi di Pulau Langkawi. Program ini akan berjalan selama 2 tahun (2017 hingga 2018) dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta. Pada masa ini Kementerian sedang dalam peringkat mengadakan sesi perundingan bersama pihak-pihak berkepentingan bagi menyediakan model perniagaan (*business model*) yang sesuai untuk pelaksanaan program ini.

Selain bertujuan untuk menjimatkan kos bahan api dan penyelenggaraan, ia dijangka akan turut meningkatkan imej Pulau Langkawi sebagai sebuah bandaraya pelancongan yang menekankan kepentingan mobiliti rendah karbon dan pemuliharaan alam sekitar. Pelaksanaan Program Rintis Teksi Elektrik Di Pulau Langkawi akan dijadikan sebagai model kepada peluasan penggunaan kenderaan elektrik sebagai teksi atau pengangkutan awam yang lain di negara ini. Penggunaan kenderaan elektrik sebagai pengangkutan awam juga diharapkan akan dapat membantu mengurangkan jumlah pelepasan CO₂ daripada sektor pengangkutan.

Sekian, terima kasih

.....